

31/05/2003

Selamat bersara dan terima kasih doktor

Mohd Azlan Jaafar

SERING dikatakan penyu akan menitikkan air mata selepas bertelur.

Mungkin

kerana keletihan menelurkan kira-kira 60 biji setiap kali mendarat. Atau mungkin si penyu tahu daripada semua telur itu, hanya dua peratus akan membesar dan hidup sampai ke peringkat matang.

Sementara yang lain menjadi mangsa binatang lain sebaik menetas atau dibaham di laut ketika mereka cuba sampai ke laut dalam.

Di Malaysia, kurang dua peratus ahli politik menawarkan diri meletakkan

jawatan. Selebihnya terus berpaut kepada kedudukan masing-masing walaupun

tiba masanya.

Datuk Seri Dr Ling Liong Sik adalah perangkaan terbaru kategori dua peratus ini. Selepas 17 tahun menjadi presiden parti yang mewakili masyarakat Cina terbesar di negara ini, Jawatankuasa Pusat (CC) MCA menerima peletakan jawatannya.

Kelmarin, beliau meletakkan jawatan sebagai Menteri Pengangkutan dan ia

diterima Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Dalam tempoh kurang seminggu, berakhirlah era Dr Ling baik dalam MCA dan Kementerian Pengangkutan.

Beliau nampak ceria ketika mengumumkan penerimaan surat peletakan jawatannya oleh Dr Mahathir.

Dr Ling berkata: "Janganlah semua (pemberita) sedih. Semua orang akan bersara suatu hari nanti. Betul tak? Ia hanyalah satu fasa dalam kehidupan."

Tetapi Khamis lalu ketika ditemui selepas menerima kunjungan ahli MCA Johor dan Terengganu, dapat dilihat kesebak dan air mata bergengang di mata Dr Ling. Mungkin beliau hiba dengan sokongan tidak henti oleh mereka

yang datang ke pejabatnya.

Malah ketika bercakap kepada wartawan, jelas kesedihan itu cuba disembunyikan..

Tiada siapa menyalahkan Dr Ling kerana mahu bersedih. Sejak memenangi pilihan raya pertama pada 1974 bagi kerusi parlimen Mata Kuching, beliau memegang pelbagai jawatan seperti Setiausaha Parlimen, Timbalan Menteri Penerangan, Timbalan Menteri Pendidikan dan Timbalan Menteri Kewangan sebelum dilantik Menteri Pengangkutan.

Kehidupan politiknya tidak kurang bergelodak seperti tuduhan pembabitan

anaknya dalam perniagaan dan hubungan dengan ahli perniagaan Soh Chee Wen.

Tetapi apa yang dicapainya, terutama dalam membangunkan sektor pengangkutan tidak dapat dinafikan.

Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Klang menghampiri status seperti

pelabuhan di negara jiran. Kita berjaya menarik syarikat kontena terbesar

di dunia untuk memindahkan operasi ke sini.

Penerbangan Malaysia kini terbang hampir ke seluruh dunia. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur menarik pelbagai syarikat penerbangan. Sistem pengangkutan seperti KTM Komuter, Putra, Star dan ExpresRail Link sudah beroperasi dan sistem trek berkembar akan dibangunkan.

Malaysia sedang berusaha menjadi hub kargo udara berikutan kos rendah. Semua sistem disepadukan bagi mewujudkan jaringan pengangkutan yang berkesan, mantap dan murah.

Mungkin beliau tidak menjangka semua ini dapat dicapai oleh pengamal perubatan yang kira-kira 30 tahun lalu lebih dikenali kerana kliniknya (Klinik Dr Ling) di Bagan (singkatan untuk Butterworth) berbanding dalam politik.

Pada Oktober ini, seorang lagi doktor menamatkan khidmatnya sebagai pemimpin negara. Kedua-dua doktor ini sudah mendapat tempat dalam lipatan sejarah negara.

Mungkin mudah untuk mencari apa yang gagal atau sepatutnya dilakukan berbanding mengiktiraf apa yang berjaya dilakukan seseorang. Dr Ling sudah melakukan tugasnya. Terima kasih doktor.